

Bil. 21

**Selasa
24 April 2007**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan itu ada kebenarannya kerana kita sedia maklum bahawa ada sekolah-sekolah yang masih lagi belum mendapat bekalan elektrik dengan sepenuhnya. Generator-generator yang kita bekalkan sebelum ini telah pun kita dapati tidak mencukupi untuk digunakan oleh sekolah-sekolah tersebut. Oleh itu, sekarang ini sama ada di Sarawak atau di Sabah, memang kita telah pun melantik beberapa kontraktor untuk membekalkan generator dengan kadar kilowatt yang lebih tinggi supaya dapat digunakan dalam tempoh 24 jam.

Dalam masa yang sama, mungkin juga sekolah di situ belum ada *school net* sebagai contoh. Jadi Tuan Yang di-Pertua, semua ini memang di dalam pengetahuan Kementerian Pelajaran dan kita yakin dengan adanya enam teras, terutamanya teras untuk merapatkan jurang bandar dan luar bandar termasuklah jurang ICT ini sedang dilaksanakan dan kita yakin dalam tempoh yang terdekat ini masalah-masalah tersebut dapat kita atasi. Sekiranya dalam tempoh ini tidak dapat diatasi, kita mengharap untuk mendapatkan *feedback* daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membantu Kementerian Pelajaran melaksanakan projek-projek seperti yang telah kita rancangkan. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG

ANTIPEMERDAGANGAN ORANG 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pemerdagangan orang, perlindungan dan bantuan orang yang diperdagangkan, penubuhan majlis bagi antipemerdagangan orang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keadilan Jenayah 1953; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PELUASAN) 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Sudagar 1952 dan untuk memperluaskan peruntukan tertentu ke Wilayah Persekutuan Labuan dan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.